

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 11 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1133-L1931
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Kerajaan tidak menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman untuk menjadikan Badan Kehakiman bebas sepenuhnya terutama dalam menyeragamkan hakim mahkamah seksyen dan majistret. Apakah ini juga memberi kesan sehingga kes-kes perbicaraan yang tertangguh semakin meningkat.

2. PN-1133-L1911
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada pihak Kementerian telah mengambil langkah ataupun tindakan yang mengikut prosedur yang betul mengenai tahap keselamatan semasa projek dalam pembinaan seperti projek pembinaan jalan, tanah runtuh, bangunan dan sebagainya memandangkan terdapat kontraktor-kontraktor yang tidak mematuhi langkah-langkah keselamatan.

3. PN-1133-L1388
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membanteras kempen memburuk-burukkan imej minyak sawit kononnya industri minyak sawit merosakkan alam sekitar dan membunuh hidupan liar.

4. PN-1133-L1494
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah tahap pencapaian program siswazah francais; jumlah graduan siswazah yang telah mengambil bahagian, jumlah francais yang telah didaftarkan dan juga jumlah perniagaan francais-francais yang telah ditutup.

5. PN-1133-L1897
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada MAS membuat kajian jangka panjang untuk memilih sesuatu destinasi antarabangsa, kerana kini beberapa destinasi antarabangsa telah digugurkan atas alasan ia tidak menguntungkan. Adakah destinasi yang dipilih berdasarkan perjanjian udara dengan negara-negara tersebut atau destinasi tersebut dipilih kerana boleh memberi keuntungan kepada MAS.
6. PN-1133-L1862
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan individu atau institusi yang berhak menyatakan halal atau haram sesuatu barangan serta mengeluarkan logo halal.
7. PN-1133-L1571
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar yang berkonsepkan agrapolitan dengan harapan pusat pertumbuhan ekonomi yang berorientasikan pertanian ini akan dapat mengeluarkan keluarga miskin tegar daripada garis kedaifan.
8. PN-1133-L1712
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah Kementerian mendapat kerjasama Kerajaan-kerajaan negeri bagi tujuan pembukaan ladang-ladang bagi melaksanakan projek-projek di tanah-tanah hak milik Kerajaan negeri.
9. PN-1133-L1503
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah berkesannya usaha-usaha SPA dalam menarik penyertaan golongan muda-mudi bukan bumiputera dalam mengisi jawatan-jawatan perkhidmatan awam dan nyatakan jumlah yang berjaya dilantik daripada tahun 2003 hingga 2005.
10. PN-1133-L1368
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
 - (a) sejauh manakah keberkesanan dalam mengawal masalah jerebu. Ini memandangkan ia merupakan masalah berulang dan memohon untuk penjelasan tentang peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menghadapi masalah jerebu ini; dan
 - (b) tindakan yang akan digunakan bagi menangani masalah jerebu seperti yang diberitakan oleh luar Negara; di mana dijangka masalah jerebu akan lebih teruk dan buruk dalam tahun 2007.

11. PN-1133-L2007
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat oleh pihak Kementerian bagi meluaskan 'networking' dengan agensi luar dan antarabangsa dalam mengembangkan lagi kaedah-kaedah pencegahan dan rawatan yang lebih moden dan efisien kepada penagih-penagih.
12. PN-1133-L1350
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah strategi yang akan digunakan oleh Angkatan Tentera Malaysia di dalam memastikan penggunaan kapal-kapal selam yang dibeli akan membawa kepada peningkatan keupayaan pertahanan negara tanpa dilihat sebagai satu ancaman kepada keselamatan dan keamanan serantau.
13. PN-1133-L1681
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia menyemak semula dasar dan keseluruhan sistem pendidikan negara supaya dasar pelajaran diubah dan disesuaikan untuk memenuhi keperluan dan kepentingan negara sekarang ini supaya dilengkapi terutama sekali sebagai persediaan menghadapi gelombang globalisasi.
14. PN-1133-L1471
Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
 - (a) adakah keluasan tanah mencukupi bagi menampung keperluan penanaman pertanian di negara ini sekarang dan berapa peratus keluasan tanah yang sudah digunakan bagi penanaman pertanian; dan
 - (b) apakah kaedah bagi mendapatkan tanah-tanah baru terutama daripada peringkat Kerajaan negeri.
15. PN-1133-L1982
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tidakkah syarat dan polisi kemudahan pinjaman kewangan hari ini yang begitu longgar untuk membeli kenderaan baru telah mendedahkan kepada pertambahan begitu mendadak jumlah kenderaan di jalan raya dan kemudahan pemberian kad-kad kredit dari institusi-institusi kewangan menambahkan lagi jumlah masyarakat Malaysia untuk terlibat dengan beban hutang tanpa mampu membayarnya.

16. PN-1133-L1432
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan sikap perpaduan antara kaum sejak dari bangku sekolah; dan
 - (b) adalah Kementerian bercadang untuk mengeluarkan garis panduan untuk memupuk perpaduan dan integrasi kaum di kalangan pelajar sekolah.
17. PN-1133-L1560
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai cadangan penubuhan sekolah khas bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin yang serius di seluruh negara di mana keadaan ini akan memberi kesedaran kepada para pelajar serta boleh mengurangkan beban guru di sekolah-sekolah biasa.
18. PN-1133-L1667
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bidang-bidang kursus yang disediakan di pusat-pusat latihan Giat MARA di seluruh negara dan nyatakan juga kursus apakah yang paling diminati. Apakah kursus-kursus tersebut diperlukan oleh pasaran semasa.
19. PN-1133-L1967
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah jaminan Kementerian yang harga petrol dan barangan pengguna seperti gula tidak akan naik lagi dan tindakan yang telah diambil untuk membantu golongan rakyat akibat kesukaran untuk mendapatkannya di pasaran.
20. PN-1133-L1546
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hala tuju negara menuju Wawasan 2020 akan membawa negara ke tahap capaian negara maju. Apakah di tahap ini Malaysia akan hilang segala kemudahan dan kelebihan yang telah dinikmati sebagai sebuah negara membangun, bagaimana kita akan mengatasinya.
21. PN-1133-L1860
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah insurans kesihatan negara akan dikuatkuasakan dan apakah implikasi kewangan ke atas rakyat dan berapakah anggaran penjimatan kos kepada Kerajaan. Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan nanti tidak akan timbul jurang atau 'Double standard' dalam rawatan dan ubat-ubatan kepada pesakit berinsurans dan pesakit tanpa insurans.

22. PN-1133-L1957
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah kaedah pendekatan atau formula baru untuk menangani ancaman dadah yang sudah boleh dianggap kronik ini memandangkan pada tahun 2004 berjumlah 2,276 penagih manakala tahun 2005 berjumlah 2,741 penagih yang menunjukkan ada peningkatan berbanding dengan tahun lalu.
23. PN-1133-L1413
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah Kementerian dapat melaksanakan dasar melindungi industri tempatan agar semua stesen tv tempatan disyaratkan supaya menyiarkan bahan tempatan sebanyak 70%.
24. PN-1133-L1614
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kemajuan yang dicapai oleh JPA sehingga kini dalam mengisi kekosongan jawatan seperti yang diarahkan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri beberapa bulan dahulu.
25. PN-1133-L1908
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rasional mengenakan bayaran peperiksaan Kerajaan ke atas pelajar dari sekolah swasta pada hal pelajar dari sekolah Kerajaan akan dikecualikan bayaran tersebut mulai tahun depan.
26. PN-1133-L1590
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan keaktifan belia dalam berpersatuan tidak hanya terhad semasa mereka di alam persekolahan atau institusi pengajian tinggi sahaja. Usaha-usaha memupuk semangat berpersatuan harus diambil bagi memastikan penglibatan mereka berterusan.
27. PN-1133-L1378
Tuan Gooi Hoe Hin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang UTAMA Persekutuan seperti termaktub dalam Perkara (4) Perlembagaan Persekutuan.
28. PN-1133-L1780
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambahkan bilangan orang asli di dalam pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memandangkan bilangan sekarang hanyalah 1/3 sahaja daripada jumlah kakitangan JHEOA.

29. PN-1133-L1807
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa buah sekolah agama rakyat sudah berdaftar dan masih belum berdaftar di bawah jagaan Kementerian Pelajaran dan apakah langkah-langkah diambil ke atas sekolah yang belum berdaftar di Kementerian supaya aspek keselamatan di sekolah juga dapat dipantau dan dipertingkatkan untuk kepentingan pelajar dan guru.
30. PN-1133-L1800
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah terbaru dan lebih berkesan dalam menangani jerebu yang berlaku sejak 10 tahun yang lalu dan adakah tindakan boleh diambil di mesyuarat ASEAN untuk menggunakan tekanan ekonomi ke atas Indonesia supaya masalah yang mendatangkan kerugian Malaysia dari segi kesihatan rakyat dan ekonomi negara ini dapat diselesaikan.
31. PN-1133-L1468
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian bagi menghadapi isu keciciran pelajar yang serius sebegini untuk tempoh Rancangan Malaysia ke-Sembilan, iaitu untuk tempoh lima tahun, di mana anak-anak bumiputera dikatakan masih merupakan jumlah tertinggi yang tergolong dalam kelompok MIA (Missing In Action).
32. PN-1133-L1877
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan sejak Transparency International mengumumkan CPI (Corruption Perception Index) negara jatuh lagi untuk 5 tahun berturut-turut dari tempat ke 39 tahun lepas ke tempat 44 tahun ini.
33. PN-1133-L1442
Tuan Chiw Tiang Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang keadaan di mana terdapat pesara yang menerima imbuhan pencen di bawah garisan kemiskinan dan adakah Kerajaan bercadang untuk melakukan sesuatu dan menunjukkan bahawa Kerajaan prihatin untuk mengatasi masalah ini supaya nilai imbuhan bersesuaian dengan keperluan persekitaran hari ini.
34. PN-1133-L1756
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan jumlah unit rejimen tambahan daripada yang sedia ada bagi Rejimen Tentera Wataniah sebagai sokongan kepada pertahanan ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam usaha Kerajaan mengetatkan kawalan di sempadan negara.

35. PN-1133-L1818
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan indeks jerebu yang melanda negara kita baru-baru ini menunjukkan tahap yang amat membimbangkan, adakah ini akan menjejaskan industri pelancongan negara.
36. PN-1133-L1540
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan yang dimainkan oleh 'Jabatan Perpaduan' bagi memupuk perpaduan di antara kaum di seluruh negara.
37. PN-1133-L1702
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kepentingan PDRM, keistimewaan dan keunikannya berbanding pasukan polis lain di negara-negara luar di mana PDRM berusaha mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia dengan pengumuman pengambilan kadet-kadet baru seramai 30,000 orang.
38. PN-1133-L1522
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah Malaysia dalam mempertahankan diri dari usaha aktiviti-aktiviti negara-negara luar yang cuba menggagalkan usaha kita memperhebatkan pengeksporan kelapa sawit.
39. PN-1133-L1842
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah bilangan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara dan apakah sambutan terhadap usaha Kerajaan untuk memanggil balik rakyat Malaysia profesional yang berada di luar negara dan apakah bentuk insentif yang diberikan.
40. PN-1133-L1947
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah cadangan yang telah dibuat oleh Kementerian agar bekas tentera British, Force 136 dan bekas anggota pasukan keselamatan yang pernah berkhidmat semasa darurat mendapat kemudahan yang sama seperti yang diberikan kepada bekas tentera ATM sekarang di Institut Jantung Negara (IJN).
41. PN-1133-L1594
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menimbang semula perjanjian MAS dan AirAsia bagi penerbangan dalam negara ke destinasi tertentu memandangkan terdapat masalah perkhidmatan kini oleh MAS berikutan keengganan AirAsia untuk mengekalkan beberapa laluan strategik yang menimbulkan kerumitan kepada rakyat.

42. PN-1133-L1918
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang menjadikan Agenda Melayu sebagai KPI kepada syarikat-syarikat GLC. Apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menjadikan beberapa syarikat GLC tertentu seperti Petronas dan Telekom sebagai milik bumiputera sepenuhnya.
43. PN-1133-L1404
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peratus pekerja mengikut kaum dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan bilangan pekerja bukan bumiputera dalam semua Kerajaan tempatan.
44. PN-1133-L1422
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) statistik pasangan yang telah mendaftar perkahwinan mereka mengikut kaum dari tahun 2000 hingga 2005; dan
 - (b) statistik pasangan yang telah bercerai mengikut kaum dari tahun 2000 hingga 2005.
45. PN-1133-L1588
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang akan diguna pakai untuk mengenal pasti projek-projek yang akan dibangunkan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara meliputi Kedah, Perlis, Seberang Perai dan Perak Utara dapat dilaksanakan bagi menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan serta mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah tersebut. Pada masa ini, tumpuan dan peruntukan Kementerian banyak diberikan kepada Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER) dan bagaimana pula perancangan pembangunan di wilayah ekonomi yang lain.
46. PN-1133-L1722
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapakah pembinaan jejambat LRT di Sentul Utara di penghujungnya tidak mempunyai tembok penghadang yang kuat hanya sekadar pagar keselamatan. Oleh itu kegelinciran LRT baru-baru ini hampir meragut nyawa orang ramai jika gerabak LRT jatuh ke bawah. Apakah jejambat ini akan disambung untuk rancangan akan datang.
47. PN-1133-L1795
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan Pegawai Penguat kuasa Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di setiap daerah agar usaha membasmi dadah dapat dilakukan dengan lebih efektif.

48. PN-1133-L1834
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bahawa sering kali kita melihat pengemis serta kutu rayau mengamalkan aktiviti harian mereka. Golongan tersebut amat mencacatkan keindahan ibu kota yang sering dikunjungi pelancong asing. Apakah usaha Kementerian untuk membanteras golongan tersebut.
49. PN-1133-L1648
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah 'pre-emptive' yang dirancang atau yang telah dijalankan untuk menyelamatkan institusi keluarga yang merupakan institusi sosial yang paling asas daripada hancur akibat daripada kes penceraian yang semakin meningkat.
50. PN-1133-L1772
Tuan Tay Puay Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan kakitangan Kerajaan membayar caruman dengan cara memotong gaji mereka supaya caruman tersebut boleh digunakan untuk membiayai kehidupan ibu bapa mereka kelak.
51. PN-1133-L1733
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Malaysia semasa menjadi Pengerusi Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dalam memartabatkan imej Islam di persada dunia dan mengikis tanggapan sesetengah pihak bahawa Islam adalah elemen kepada kegiatan pengganas khususnya di negara barat.
52. PN-1133-L1517
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis-jenis bantuan Kementerian yang diberi kepada NGO-NGO yang menguruskan pusat-pusat dialisis buah pinggang di seluruh negara.
53. PN-1133-L1446
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mempertingkatkan kelengkapan persenjataan ATM baik TDM, TUDM, dan TLDM di dalam menangani pergolakan persekitaran yang semakin tidak stabil berikutan keruntuhan Kerajaan Suharto dan empayar Indonesia serta krisis politik di Thailand, yang kini turut melibatkan rompakan, pembunuhan dan peras ugut warga Malaysia sehingga nelayan kerdil juga tidak terkecuali.
54. PN-1133-L1665
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah kekurangan guru-guru yang terlatih untuk mengajar dan menggunakan komputer di sekolah-sekolah di negara kita dan apakah implikasi dari kekurangan tenaga sumber ini kepada rancangan negara mewujudkan masyarakat pintar. Apakah pula peranan Kementerian dalam menangani masalah ini.

55. PN-1133-L1999
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian berpuas hati dengan tahap simpanan (saving) di kalangan rakyat dan jika tidak, apakah skim dan tindakan yang akan diambil untuk meningkat simpanan domestik.
56. PN-1133-L2008
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memperbaiki atau menaik taraf bangunan dan kemudahan di pusat-pusat pemulihan yang sekarang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 32/2006) Rang Undang-undang Perbekalan 2007 **Bacaan Kali Yang Kedua**
2. (D.R. 24/2006) Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 “
3. PN-1133-U1419
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."
4. PN-1133-U1942
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

5. PN-1133-U1943

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

6. PN-1133-U1944

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD.14	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.15	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Kedah Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.16	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Kelantan Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.17	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Melaka Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.18	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Negeri Sembilan Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.19	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Pahang Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.20	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Perak Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.21	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Perlis Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.22	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.23	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Sabah Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.24	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Sarawak Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.25	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Selangor Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.26	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Terengganu Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.27	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Johor Tahun 2005	11 Disember 2006

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD.28	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Kedah Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.29	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Kelantan Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.30	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Melaka Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.31	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Negeri Sembilan Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.32	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Pahang Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.33	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Perak Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.34	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Perlis Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.35	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Pulau Pinang Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.36	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Sabah Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.37	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Sarawak Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.38	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Selangor Tahun 2005	11 Disember 2006
CMD.39	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Terengganu Tahun 2005	11 Disember 2006
ST.239	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan Bagi Tahun 2005	11 Disember 2006
ST240	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2005	11 Disember 2006
ST241	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu Bagi Tahun 2005	11 Disember 2006